

**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PERINTAH PERSARAAN CARUMAN TAMBAHAN, 2009
DAN LEMBAGA PERSARAAN CARUMAN TAMBAHAN (PCT)**

Pada menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu perintah yang berhubungkait dengan Skim Persaraan Caruman Tambahan (PCT) yang digelar *Supplemental Contributory Pensions Order, 2009* atau Perintah Persaraan Caruman Tambahan, 2009; dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya iaitu "*Supplemental Contributory Pension Rules, 2009*". Perintah dan Peraturan-Peraturan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010.

2 Perintah tersebut, antarlain memperuntukkan perkara-perkara yang berhubung dengan tujuan utama dan pelaksanaan SCP ini; penubuhan Lembaga SCP; piawaian dan urustadbir dana dan pelaburannya; perlantikan pemeriksa-pemeriksa (*inspectors*); penubuhan Dana Amanah SCP; kadar caruman bagi majikan, pekerja dan Kerajaan; manafaat SCP dan *survivorship*; dan pembayaran *catch-up* oleh Kerajaan untuk generasi peralihan (*transition generation*).

3 Selaras dengan Bab 3 dan 4 dari Perintah tersebut di atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan lantikan satu Lembaga SCP dengan keahlian seperti berikut:

1. YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud,
Menteri Tenaga (*Minister of Energy*) di Jabatan Perdana Menteri
Selaku Pengerusi
2. YM Awg Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud
Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
Selaku Timbalan Pengerusi
3. Ahli-Ahli lain Lembaga SCP ini juga terdiri seperti berikut:
 - (i) YM Dato Paduka Awg Haji Ali bin Apong
Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
 - (ii) YM Awg Sa Bali bin Abas
Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
 - (iii) YM Awang Yusof bin Haji Abd Rahman
Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
 - (iv) YM Dy Hajah Suriyah binti Haji Umar
Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan
 - (v) YM Awg Haji Ibrahim bin Haji Hassan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - (vi) YM Dy Hajah Rosliah binti Haji Hasbollah

Pesuruhjaya Buruh

- (vii) Wakil daripada Jabatan Peguam Negara
- (viii) YM Pengerusi Persatuan Bank-Bank Brunei Darussalam
- (ix) Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam
- (x) YM Pengarah Urusan SCP
Ahli *ex-officio* dan Setiusaha

Kementerian Kewangan
31 Disember 2009